

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah bilangan penerima faedah Sistem Insurans Pekerja (SIP) sejak ianya dipekenalkan serta jumlah wang yang telah dikumpulkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah penerima bantuan interim pada 2018 adalah seramai 18,579 orang dengan jumlah bayaran RM19.4 juta, manakala bilangan yang layak menerima faedah penuh SIP (*full-fledge*) dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Ogos 2019 adalah seramai 19,102 orang yang melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM59.84 juta.

2. Jumlah caruman terkumpul bagi Sistem Insurans Pekerjaan pada 2018 adalah sebanyak RM560.79 juta manakala bagi bulan Januari 2019 sehingga Ogos 2019 adalah sebanyak RM426.32 juta. Sehingga kini sebanyak 400,413 majikan telah mendaftar dengan PERKESO di bawah SIP melibatkan 6.5 juta pekerja.